



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah




PustakaTBainun



ptbupsi

KESEDARAN ALAM SEKITAR DENGAN AMALAN HIJAU DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 DI SEKOLAH TERPILIH DALAM DAERAH KOTA SETAR

NOOR DIYANA BINTI ABDUL RAHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KERTAS PROJEK DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIOLOGI) SARJANA SECARA KERJA KURSUS

**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

KESEDARAN ALAM SEKITAR DENGAN AMALAN HIJAU DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 4 DI SEKOLAH TERPILIH DAERAH KOTA SETAR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesedaran mengenai alam sekitar dan amalan hijau dalam kalangan para pelajar Tingkatan 4 di daerah Kota Setar. Kajian tinjauan ini menggunakan instrumen soal selidik untuk mengukur tahap kesedaran dan amalan hijau yang diamalkan. Kajian ini hanya difokuskan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 4 yang terdiri daripada 280 orang. Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan analisis berstatistik deskriptif dan inferensi. Hasil keputusan kajian ini menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan kesedaran terhadap alam sekitar di antara jantina. Pelajar perempuan mempunyai tahap kesedaran yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Begitu juga amalan hijau, pelajar perempuan mempunyai sikap yang lebih mesra ~~alam berbanding pelajar lelaki.~~ Dapatkan kajian menunjukkan wujud perkaitan kekuatan korelasi tahap sederhana ($r = 0.534$, $p < 0.05$) antara kesedaran dan amalan hijau. Kesimpulannya, terdapat perhubungan antara tahap kesedaran dengan amalan hijau dalam kalangan pelajar sekolah. Namun, perhubungan yang terhasil adalah sederhana. Berdasarkan pada keputusan analisis ini, keputusan menunjukkan bahawa tahap kesedaran yang tinggi dalam diri pelajar Tingkatan 4 di daerah Kota Setar tidak memberi impak yang kuat terhadap amalan hijau yang diamalkan. Hasil kajian ini dapat membantu penggubal dasar di Malaysia untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan pendidikan dan perlindungan alam sekitar.

Kata kunci: Kesedaran, Alam Sekitar, Amalan Hijau, Pelajar Tingkatan 4



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

This aims of this study were to identify the level of environmental awareness and green practices among Form 4 students in Kota Setar. This survey used questionnaire to measure the awareness and green practices that had been done. The study only focused on Form 4 students which consist of 280 peoples. Data from the questionnaires were analyzed using descriptive and inference analysis. The results of this study showed that there is a difference in environmental awareness between genders. The female students have a higher level of awareness than male students. Similarly, for green practices, female students have a more environmentally friendly attitude than male students. The findings showed a moderate association strength of correlation ($r = 0.542$, $p < 0.05$) between awareness and green practice. As a conclusion, there have a relationship between environmental awareness and green practices among school students. However, the resulting relationship was moderate. Based on the results of this analysis, a high level of awareness in the students of Form 4 in Kota Setar district did not give a strong impact on the green practices. The results of this study could help policy-makers to decide matters related to education and environmental protection.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Keywords: Awareness, Environment, Green Practices, Form 4 students



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN

 05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Muka surat

PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI SINGKATAN	xi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1	PENGENALAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang kajian	3
1.3	Penyataan Masalah	5
1.4	Kerangka Konseptual	7
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Persoalan Kajian	10
1.7	Hipotesis Kajian	11
1.8	Kepentingan Kajian	11
1.9	Skop dan Batasan Kajian	13
1.10	Definisi Operasional	14

BAB 2	SOROTAN KAJIAN	20
2.1	Pengetahuan dan sikap tentang alam sekitar	20
2.2	05-4506832  pustaka.ups.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	22
2.3	Kesedaran mengenai alam sekitar	23
2.4	Pembangunan Lestari	24
2.5	Pengajaran mengenai Pendidikan Alam Sekitar	26
2.6	Pendidikan Alam sekitar di sekolah	27
2.7	Peranan masyarakat dalam menangani isu alam sekitar	28
BAB 3	METODOLOGI	34
3.1	Reka Bentuk Kajian	35
3.2	Prosedur Kajian	35
3.3	05-4506832  pustaka.ups.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	37
3.4	Instrumen Kajian	38
3.5	Soal selidik	42
	3.5.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	43
	3.5.2 Kajian Rintis	45
	3.5.3 Pengumpulan Data	45
3.6	Analisis Data	46
BAB 4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	51
4.1	Analisis demografik untuk bilangan pelajar mengikut jantina	51
4.2	05-4506832  pustaka.ups.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	52
	Hijau di kalangan pelajar	
4.3	Kesedaran dan Amalan Hijau terhadap alam sekitar berbeza di	56

antara jantina

4.4	Perkaitan antara kesedaran dan amalan hijau terhadap alam sekitar	59
-----	---	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	70
--------------	--------------------------------	-----------

5.1	Kesimpulan	70
-----	------------	----

5.2	Cadangan	71
-----	----------	----

RUJUKAN	74
----------------	-----------

LAMPIRAN	81
-----------------	-----------



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL**No. Jadual****Muka surat**

2.1	Ringkasan dan analisis tinjauan literatur	30
3.1	Sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian dan bilangan keseluruhan pelajar Tingkatan 4 untuk tahun 2016	37
3.2	Pembahagian soal selidik mengikut seksyen	39
3.3	Item soal selidik dan sumber item	40
3.4	Skala likert	42
3.5	Nilai, bilangan item dan bilangan pelajar yang terlibat dalam kajian rintis	45
3.6	Skala Kebolehpercayaan	45
3.7	Skala Tahap Kekuatan Korelasi antara Dua Pemboleh Ubah	47
4.1	Jumlah Responden	51
4.2	Respons terhadap kenyataan tentang kesedaran alam sekitar	52
4.3	Respons terhadap kenyataan amalan hijau pelajar	55
4.4	Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Pembolehubah Kesedaran dan Amalan hijau mengikut Jantina (N=280)	57
4.5	Rumusan Keputusan Ujian t sampel bagi Pembolehubah Kesedaran dan Amalan Hijau	59
4.6	Korelasi Pearson antara Kesedaran dan Amalan	61
4.7	Perhubungan korelasi antara Kesedaran dan Amalan Hijau pelajar-pelajar	61
4.8	Persamaan Nilai Regressi Antara Kesedaran dan Amalan Hijau	62
4.9	Perhubungan regressi di antara Kesedaran dan Amalan Hijau	64
4.10	Ujian Normaliti	66

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Perhubungan antara tahap kesedaran alam sekitar dengan amalan hijau dalam kalangan pelajar berdasarkan pendekatan yang diadaptasi dari model Palmer dan Neal (1994).	8
1.2 Kerangka konseptual berkenaan hubungan antara tahap pengetahuan, kesedaran alam sekitar dengan amalan hijau dalam kalangan pelajar	9
3.1 Carta alir prosedur kajian	33
3.2 Plot QQ Normal untuk Kesedaran	64

- A Senarai sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian rintis dan kajian sebenar
- B Formula untuk mendapatkan saiz sampel berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970)
- C Surat Kebenaran menjalankan penyelidikan dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)
- D Surat Kebenaran menjalankan penyelidikan dari Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (JPNK)
- E Surat Pengesahan Pelajar untuk menjalankan penyelidikan dari UPSI
- F Soal selidik atau instrumen yang telah mendapat kesahan dan lengkap yang telah diedarkan kepada pelajar-pelajar
- G Kesahan kandungan soalan soal selidik dari pensyarah pakar dalam alam sekitar
- H Kesahan untuk laras bahasa soalan soal selidik dari pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- I Output dari SPSS untuk perbezaan min jantina dan output dan dari SPSS untuk hubungan antara kesedaran dan amalan hijau pelajar

SENARAI SINGKATAN

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

Bil

Bilangan

BPPDP

Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan
Dasar Pendidikan

JPNK

Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

SMK

Sekolah Menengah Kebangsaan Bilangan

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan sepuluh elemen iaitu (1) pengenalan kepada kajian, (2) latar belakang kajian (3) pernyataan masalah, (4) kerangka konseptual, (5) objektif kajian, (6) persoalan kajian, (7) hipotesis kajian, (8) kepentingan kajian, (9) skop dan batasan kajian serta (10) definisi operasional.

1.1 Pengenalan

Kesedaran mengenai masalah yang dihadapi oleh alam sekitar muncul daripada keprihatinan terhadap perkara-perkara seperti kualiti air minuman, kesan bernafas dalam udara yang tercemar, kepupusan hidupan liar dan tumbuhan serta pemanasan global.

Masalah alam sekitar yang semakin serius ini telah meningkatkan kesedaran masyarakat

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptupsip
bahawa pentingnya memelihara alam sekitar dari terus tercemar. Apa yang pasti, kesan langsung daripada pencemaran alam sekitar lebih mudah difahami daripada isu-isu alam sekitar yang lain seperti kepelbagaiannya biologi, ekologi hutan dan kesan rumah hijau. Masyarakat mempunyai kefahaman yang lebih baik terhadap masalah alam sekitar yang berlaku di sekeliling mereka berbanding isu-sejagat yang rumit.

Pada dekad lalu, kepentingan dalam pendidikan alam sekitar dilihat sebagai medium penting dalam mengukuhkan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia. Selaras dengan Dasar Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia telah menganjurkan pelbagai program pendidikan dan kesedaran alam sekitar demi menyemai nilai murni alam sekitar pada masyarakat umum (Adenan Satem, 2004). Warga sekolah telah dikenalpasti sebagai kumpulan sasaran utama bagi tujuan ini memandangkan golongan ini adalah generasi muda yang bakal memimpin pada masa hadapan.

Namun definisi Pendidikan Alam Sekitar yang digunakan secara meluas sehingga kini, mula diperkenalkan di Nevada, Amerika Syarikat seawal tahun 1970 (Skavanis dan Sarri, 2002), sewaktu IUCN (*International Union For Conservation Of Nature and Natural Resources*) bersama-sama UNESCO mengadakan mesyuarat mengenai ‘Pendidikan Alam Sekitar Di Dalam Kurikulum Sekolah’, yang memperkenalkan definisi Pendidikan Alam Sekitar sebagai :

Proses mengenal pasti nilai dan penjelasan konsep yang bertujuan untuk membina kemahiran dan tingkah laku yang sejajar bagi tujuan untuk memahami dan menghargai hubungkait antara manusia, alam sekitar dan budaya. Pendidikan Alam Sekitar juga bertujuan untuk membuat penentuan dan rumusan diri tentang keperihatinan kualiti alam sekitar.

(IUCN, dipetik dalam Palmer dan Neal, 1994)

Pada masa kini, kemudahan internet telah memberi dimensi baru kepada masyarakat terhadap kesedaran alam sekitar dan tindakan yang perlu dilakukan. Sebelum ini hanya media tradisional seperti televisyen, radio dan akhbar yang menyediakan maklumat dan informasi mengenai alam sekitar kepada masyarakat. Internet membolehkan isu-isu alam sekitar dikumpul, disampaikan serta dibincangkan. Secara tidak langsung, ia mempengaruhi kesedaran masyarakat terhadap masalah alam sekitar. Bagi memastikan program Pendidikan Alam Sekitar berjaya dalam mendidik masyarakat khususnya para pelajar tentang pentingnya mengurus alam sekitar secara bijaksana, maka pendidikan mengenainya haruslah dipandang serius dan diberi perhatian.

1.2 Latar Belakang kajian

Terdapat banyak kajian mengenai kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar terutamanya di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Tahap pengetahuan dan kesedaran terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar adalah baik (Siti Rohani, 2013).

Pelajar sedar akan peranannya dalam menjaga alam sekitar. Walaubagaimanapun, tingkah

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi laku yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar masih tidak menjadi kebiasaan.

Penglibatan pelajar dalam menangani masalah alam sekitar juga masih rendah berdasarkan kajian oleh Siti Rohani (2013). Manusia bergantung secara fizikal dan emosi dengan alam semulajadi dan sebaliknya keadaan ekosistem dan spesies pula bergantung kepada tindakan manusia. Tidak kira seseorang itu berasa rapat dengan alam semulajadi atau tidak, mereka adalah saling bergantungan dengan alam di mana kesejahteraan alam mempengaruhi kesejahteraan hidup manusia (Petegem *et. al.*, 2005).

Sehubungan dengan itu, fokus kajian adalah untuk mengenal pasti sama ada wujud atau tidak kesedaran dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 dalam amalan memelihara alam sekitar. Pengenalan ‘sama ada’ kepekaan terhadap alam sekitar itu dihayati oleh para pelajar ataupun sebaliknya adalah melalui perlakuan atau amalan. Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan, kesedaran alam sekitar dengan amalan hijau atau kata lainnya tingkah laku mesra alam sekitar dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di sekolah-sekolah terpilih di daerah Kota Setar dan melihat faktor jantina sebagai pemboleh ubah sama ada pelajar lelaki ataupun pelajar perempuan yang lebih cenderung untuk memelihara alam sekitar. Ini akan diterangkan secara terperinci di dalam Bab 4. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk menentukan kaitan korelasi antara tahap kesedaran dengan amalan hijau dalam kalangan pelajar dan pengaruh jantina dalam amalan hijau ini.

1.3 Penyataan masalah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pendidikan amat diperlukan bagi mendidik dan menerapkan pengetahuan serta kesedaran mengenai kepentingan alam sekitar. Penguasaan pengetahuan dan sikap yang positif amat diperlukan bagi memahami dan menghayati konsep masyarakat yang menyintai alam sekitar. Walaubagaimanapun, kajian-kajian yang terdahulu menunjukkan pelajar seringkali menghadapi pelbagai kesukaran untuk menguasai dan menghayati konsep kepentingan alam sekitar terhadap kehidupan di muka bumi kerana kurangnya kesedaran dalam diri pelajar ataupun kurang terdedah dengan kepentingan alam sekitar dalam kehidupan (Othman *et. al.*, 2004; Susan, 2005 dan Hanifah *et. al.*, 2013).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Di samping itu, kajian terhadap tahap pengetahuan dan sikap kesedaran terhadap alam sekitar dengan amalan hijau (tingkah laku mesra alam sekitar) dalam kalangan pelajar sekolah perlu dilaksanakan. Memandangkan kajian-kajian sebelum ini yang berkisar tentang alam sekitar banyak dijalankan terhadap orang awam, pekerja kilang, pelajar di peringkat pengajian tinggi dan ibu bapa. Justeru, kajian terhadap sikap pelajar sekolah sebagai generasi pewaris masa hadapan terhadap konsep pemahaman mengenai kepentingan alam sekitar menyebabkan kajian ini dijalankan. Pelajar sekolah amat penting untuk diterapkan nilai-nilai murni alam sekitar memandangkan mereka akan lebih cepat menerima nilai murni tersebut berbanding orang dewasa jika dididik sejak di bangku sekolah lagi. Selain itu, kajian lepas yang dijalankan oleh Wiersma (2008) didapati memfokus kepada jantina umum tetapi kajian yang dijalankan tidak mengukur



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

kefahaman konsep kajian di kalangan jantina dalam batasan umur peringkat sekolah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

menengah.

Komitmen kurikulum dalam proses pendidikan juga menjadikan ianya sebagai alat utama untuk diperkasakan dalam melahirkan masyarakat yang peka terhadap isu alam sekitar. Selain itu, kajian yang memfokuskan terhadap situasi semasa kurikulum Sains yang sedia ada dalam menerapkan nilai masyarakat peka terhadap isu alam sekitar juga kurang dilaksanakan. Kebanyakan kajian berkaitan alam sekitar dilaksanakan dalam subjek-subjek lain seperti Geografi dan Pendidikan Islam serta banyak dijumpai kajiannya di luar negara (Laily *et. al.*, 2004). Justeru itu, kajian terhadap kurikulum Sains yang berkisar mengenai alam sekitar penting dalam mendokong pembentukan masyarakat menyintai alam sekitar amat perlu dijalankan agar setiap mata pelajaran yang diajar di sekolah menyentuh sedikit sebanyak mengenai kepentingan alam sekitar dalam kehidupan.

Bagi memastikan program Pendidikan Alam Sekitar berjaya dalam mendidik masyarakat khususnya para pelajar tentang pentingnya mengurus alam sekitar secara bijaksana dan lestari serta mempraktikkan amalan tersebut dalam kehidupan seharian maka pendidikan mengenainya haruslah diberi perhatian yang sewajarnya. Pendidikan Alam Sekitar alam sekitar merupakan salah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian sewajarnya dalam memastikan pembangunan mapan negara dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Melihat kepada istilah pendidikan alam sekitar, ia didefinisikan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

sebagai suatu proses pembelajaran bagi tujuan untuk memahami interaksi antara manusia

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi
dengan alam sekitar (Othman *et. al.*, 2004)

1.4 Kerangka konseptual

Dalam kajian ini, kerangka konseptual diadaptasi seperti yang digambarkan dalam rajah

1.1. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara tahap pengetahuan pelajar, kesedaran alam sekitar dengan amalan hijau dalam kalangan pelajar. Terdapat beberapa konsep utama yang perlu dititikberatkan dalam kajian ini iaitu pengetahuan pelajar terhadap alam sekitar.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi



Rajah 1.1: Perhubungan antara tahap kesedaran alam sekitar dengan amalan hijau dalam kalangan pelajar berdasarkan pendekatan yang diadaptasi dari model Palmer dan Neal (1994).


Pengetahuan merupakan ilmu yang sangat penting dan perlu ada dalam memori seseorang pelajar (Brody, 2005). Pengetahuan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah mengikut Taksonomi Bloom yang mana lebih praktikal digunakan kerana kebanyakkan kurikulum dibina dan dirancang mengikut taksonomi ini (Bloom, 1956). Tahap kognitif menurut Taksonomi Bloom ialah pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.

Selain itu, konsep kesedaran juga menjadi aspek penting dalam melahirkan pelajar yang mempunyai kesedaran yang tinggi, iaitu adanya sikap yang positif terhadap konsep pemahaman tentang alam sekitar. Sikap positif yang dimiliki dapat membentuk identiti seseorang pelajar melalui perubahan amalan gaya hidup dalam kehidupan sehari-hari (Aini *et. al.*, 2007). Di samping itu, model Palmer dan Neal (1994) menegaskan bahawa pendidikan mengenai alam sekitar bertujuan untuk membentuk pengetahuan tentang alam semulajadi dan sistem semulajadi menggunakan aktiviti penyelidikan dan juga untuk membentuk pemahaman terhadap alam sekitar, nilai alam sekitar serta interaksi kompleks elemen semula jadi dan manusia.

Di samping itu, konsep penerapan nilai pengetahuan dan sikap pelajar dalam kurikulum juga menjadi konsep utama yang ditekankan dalam kajian ini. Ini kerana kurikulum KBSM menjadi sokongan dalam mencapai matlamat iaitu penerapan nilai supaya dapat memberikan kesan terhadap pengetahuan dan sikap (kesedaran yang tinggi) untuk satu tempoh yang lama terhadap peranan pelajar untuk mencapai kefahaman mengenai alam sekitar dan seterusnya dapat mempraktikkan dalam kehidupan sehari-hari (Abdul Ghani dan Aziah, 2005). Kesemua ini dihubungkan bagi mengenalpasti penerapan elemen berkenaan isu alam sekitar dalam kurikulum yang sedia ada bagi menyokong sejauh mana tahap pengetahuan dan sikap pelajar terhadap konsep pemahaman mengenai alam sekitar. Secara ringkasnya, rajah 1.1 yang diadaptasi dari model Palmer dan Neal (1994) menunjukkan perhubungan antara tahap kesedaran alam sekitar dengan amalan hijau dalam kalangan pelajar.

Daripada pengenalan yang telah digarap bagi kajian ini, maka dapatlah dirumuskan satu kerangka konseptual untuk menjelaskan aspek-aspek yang dikaji.

Kerangka konseptual yang dapat dirumuskan untuk menjelaskan aspek-aspek yang dikaji adalah seperti Rajah 1.2. Model tingkah laku ini berdasarkan kepada Kollmuss dan Agyeman (2002). Ini selari dengan model yang dinyatakan mereka bahawa terdapat hubungan linear di antara kesedaran pelajar Tingkatan 4 terhadap alam sekitar dan amalan hijau yang dilakukan oleh mereka. Menurut model ini, dengan membekalkan kesedaran dan sikap seterusnya melahirkan individu yang mempunyai amalan yang lebih positif terhadap alam sekitar.



Rajah 1.2: Kerangka konseptual berkenaan hubungan antara tahap kesedaran alam sekitar dengan amalan hijau dalam kalangan pelajar berdasarkan Kollmus dan Agyeman (2002).

Objektif bagi kajian ini adalah untuk:

- Mengenal pasti tahap kesedaran dan amalan hijau mengikut jantina dalam

- ii. Mengenal pasti hubungan antara kesedaran alam sekitar dengan amalan hijau dalam kalaangan pelajar Tingkatan 4 di daerah Kota Setar.

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun



ptbupsi

1.6 Persoalan kajian

Persoalan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan tahap kesedaran dan amalan hijau dalam kalangan pelajar mengikut jantina?
- ii. Adakah terdapat perhubungan antara tahap kesedaran dengan amalan hijau sekitar oleh pelajar?

1.7 Hipotesis kajian

Hipotesis ini dibina untuk menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Berdasarkan persoalan kajian yang disenaraikan, dua hipotesis alternatif (H_A) dibentuk dalam kajian ini kerana hipotesis Null (H_0) telah ditolak. Antara hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun



ptbupsi

H_A(1): Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kesedaran alam sekitar dan amalan hijau dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 mengikut jantina di daerah Kota Setar.

H_A(2): Terdapat hubungan yang sederhana antara kesedaran alam sekitar dengan amalan hijau dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di daerah Kota Setar.

1.8 Kepentingan kajian

Kepentingan hasil kajian mengenai pemahaman isu alam sekitar yang diterapkan ke dalam kurikulum ini akan memberi peluang kepada pelajar dan masyarakat sekitar untuk memahaminya dengan lebih jelas dan mendalam lagi. Dapatkan kajian ini juga dapat memberikan gambaran sama ada kurikulum yang sedia ada membincangkan isu berkaitan dengan pendidikan mengenai isu alam sekitar yang dijalankan di sekolah dan seterusnya mencapai matlamat yang diharapkan. Di samping itu, dapatkan kajian ini juga dapat mengenalpasti pengetahuan dan sikap kesedaran pelajar terhadap pencemaran alam sekitar sebagai satu usaha penerapan nilai-nilai oleh setiap guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas atau di luar kelas bagi membentuk sikap yang baik dan positif dan menambah pengetahuan yang merupakan salah satu aspek penting untuk meningkatkan kesedaran dalam diri seseorang pelajar.

Kajian ini juga dijalankan untuk melihat sejauh mana para pelajar mempraktikkan amalan hijau dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana kajian yang dijalankan sebelum ini lebih kepada peringkat universiti dan orang-awam. Maka, sebab itu kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap kesedaran dan amalan hijau di kalangan pelajar sekolah. Berdasarkan kajian ini, penambahbaikan dalam sukanan pelajaran boleh dilaksanakan juga untuk membolehkan para pelajar lebih cakna akan isu yang berkaitan alam sekitar dan seterusnya dapat membantu dalam usaha untuk mengekalkan alam yang bersih dan sihat seiring dengan kemajuan teknologi pada masa kini. Bukan itu sahaja, kajian ini juga melihat perbezaan jantina tentang tahap kesedaran dan amalan hijau yang diperlakukan. Perbandingan jantina ini dapat menjelaskan kepekaan terhadap isu alam sekitar sama ada pelajar lelaki ataupun pelajar perempuan yang lebih cenderung untuk memelihara alam sekitar.

Melalui kajian ini juga, guru juga akan mengetahui perkaitan antara pengetahuan dalam membentuk sikap terhadap alam sekitar di kalangan pelajar. Di samping itu, guru dapat memperbaiki strategi pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam memberikan pengetahuan mengenai alam sekitar dalam usaha membentuk sikap yang positif terhadap alam sekitar. Selain itu, guru-guru juga dapat mengenalpasti pengaruh jantina dan dalam membentuk pengetahuan dan sikap terhadap alam sekitar di kalangan pelajar. Ini akan membantu guru mengatur strategi dalam membentuk sikap yang lebih positif terhadap alam sekitar. Selain itu, ianya juga penting untuk memperbaiki pendekatan pengajaran dan pembelajaran berkaitan Pendidikan Alam Sekitar di sekolah.

Seiring dengan kemajuan teknologi, STEM (*Science Technology Engineering and Mathematics*) diperkenalkan penghujung tahun 2012 dan ia perlu diterapkan sejak di bangku sekolah rendah lagi untuk melahirkan pelajar-pelajar masa depan yang inovatif dan mampu bersaing di peringkat global (Ruzian dan Norizan, 2013). Secara rasionalnya, program ini adalah untuk mencapai hasrat negara bagi menjadi negara berteraskan sains dan teknologi, usaha dan peluang bagi menyediakan tenaga kerja yang berasaskan sains dan teknologi perlu dilakukan. Seiring dengan tajuk kajian ini juga, perkara yang boleh dikaitkan adalah teknologi merupakan salah satu medium utama peyumbang kepada aspek tahap kesedaran serta kesannya terhadap amalan hijau pelajar sekolah secara khasnya berdasarkan kepada populasi target untuk kajian ini. Hal ini kerana teknologi memudahkan seseorang itu untuk mengakses dan mendapatkan maklumat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.9 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian yang dijalankan hanya ditumpukan di lima buah sekolah yang terpilih di daerah Kota Setar iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Janggus, Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Rotan, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gunong, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pantai dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pokok Sena manakala Sekolah Menengah Kebangsaan Kepala Batas dijadikan lokasi kajian rintis. Sekolah-sekolah ini dipilih kerana taburan jumlah pelajar lelaki dan pelajar perempuan Tingkatan 4 adalah seimbang berdasarkan jumlah yang diperoleh daripada pejabat pendidikan daerah Kota Setar.